

Lesen Bank Utama dibatal jika gagal bergabung: PM

BH 23 JAN 2002

Oleh Kadir Dikoh dan
Faiesal Othman

KERAJAAN mungkin membatalkan lesen perbankan Bank Utama (M) Bhd (Bank Utama) jika ia gagal bergabung dengan satu daripada 10 bank teras yang sedia ada selepas tamat tempoh lanjutan untuk berbuat demikian pertengahan tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk

Kerajaan sudah memuktamadkan keputusan hanya 10 bank induk

Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sudah memberi tempoh lanjutan enam bulan sehingga pertengahan tahun ini untuk bank yang berpangkalan di Sarawak itu mencari rakan kongsi.

"Kita beri mereka enam bulan. Jika mereka tidak

dapat rakan (ketika itu), agak malang sekali...kita batalkan lesen mereka. Itu hadnya (enam bulan).

"Jika tidak dapat mencari rakan untuk bergabung, saya tidak fikir kita akan benarkan mereka beroperasi," katanya selepas merasmikan Hari Kerjaya Ke-20 Univer-

siti Kebangsaan Malaysia (UKM) di kampus induknya di Bangi, semalam.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengambil alih lesen perbankan itu daripada Utama Banking Group Bhd (UBG), syarikat induk Bank Utama, Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata: "Mungkin perlu bagi kami (kerajaan), kita akan meneliti perkara ini."

Katanya, kerajaan sudah

memuktamadkan bahawa hanya akan ada 10 bank te- tas untuk beroperasi di ne- gara ini dan tidak lebih da- ripada itu.

Malah kata beliau, kerajaan mengharapkan supaya 10 bank teras itu pun akan te- ras bergabung pada masa akan datang.

Mengenai hasil rundingan bagi cadangan penggabun- gan Utama dan RHB Bank Bhd (RHB Bank), Dr Maha-

thir berkata, beliau tidak fi- kir kedua-duanya akan ber- gabung.

"Saya difahamkan bahawa perbincangan (antara mere- ka) sudah terhenti," katanya.

bitanya mengapa Bank Utama mendapat layanan istimewa dengan melanjut- kan tempoh sehingga enam bulan lagi untuk mencari rakan kongsi, Dr Mahathir berkata, "Mungkin mereka mempunyai masalah khas."